

---

## SIARAN MEDIA

### FORUM UNDANG-UNDANG PERSAINGAN DALAM SEKTOR FARMASEUTIKAL

**Kuala Lumpur, 10 Oktober 2016** - Sektor farmaseutikal memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan penjagaan kesihatan global. Persaingan dapat memastikan kualiti barang dan perkhidmatan pada harga yang kompetitif. Sehubungan dengan itu perlu ada kesinambungan antara polisi persaingan dan polisi kawal selia untuk memastikan kebijakan pengguna dan keefisienan ekonomi.

"Kerajaan komited untuk menjayakan pelaksanaan dan penguatkuasaan bagi undang-undang persaingan, yang mana ianya terpakai di seluruh industri dan firma. Oleh itu, firma perlu mempunyai pemahaman yang tinggi mengenai manfaat dan cabaran dalam pematuhan kepada undang-undang persaingan ini", kata YB Dato' Seri Hamzah Zainudin, Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK) dalam ucapannya di Forum Undang-Undang Persaingan Dalam Sektor Farmaseutikal hari ini.

Forum ini diadakan untuk meningkatkan pemahaman isu-isu undang-undang persaingan dan peningkatan kemahiran pengawal selia dan perniagaan dalam mengenal pasti bukti-bukti penyalahgunaan kuasa dominan dalam sektor farmaseutikal. Objektifnya adalah juga untuk berkongsi pengetahuan dan amalan terbaik mengenai kuasa penyiasatan di kalangan pakar persaingan dan farmaseutikal.

Sebagai sebuah badan berkanun penguatkuasaan bebas yang bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 (AP 2010) di dalam landskap perniagaan tempatan, MyCC terus mengukuhkan peraturan-peraturan dan penyiasatan yang melanggar Akta itu. AP 2010 memberi kuasa kepada MyCC untuk menyiasat dan mengambil tindakan terhadap perusahaan yang terlibat dalam pelanggaran Anti Persaingan. Penyiasatan dimulakan melalui arahan Menteri KPDKKK, di atas inisiatif MyCC dan aduan yang diterima. Perusahaan yang didapati bersalah boleh dikenakan penalti kewangan maksima sebanyak 10 peratus daripada perolehan seluruh dunianya.

**UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA/EKONOMI**

MyCC sedang menjalankan kajian pasaran terhadap sektor farmaseutikal selaras dengan peruntukan Seksyen 11 AP 2010. Objektif utama MyCC menjalankan kajian pasaran ini adalah untuk memahami struktur pasaran dan rantaian bekalan sektor farmaseutikal, mengenalpasti sebarang perlakuan anti-persaingan dalam kalangan pemain industri serta menggalakkan persaingan dalam sektor tersebut. MyCC juga sedang dalam proses penggubalan garis panduan berkaitan dengan harta intelek sejajar dengan program advokasi MyCC tahun 2016

Sehingga 7 Oktober 2016, MyCC telah menjalankan sebanyak 21 program advokasi untuk menggalakkan kesedaran mengenai AP 2010 dan telah menerima 272 aduan sejak penubuhannya pada tahun 2012. Majoriti kes yang telah diselesaikan atau ditutup adalah yang terlibat dalam sektor perkhidmatan, farmaseutikal, makanan, perkапalan dan teknologi.

Penceramah jemputan untuk sesi forum ini adalah, Dhaniah Ahmad, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan MyCC, YBhg. Prof Dato' Dr. Sothi Rachagan, Anggota Suruhanjaya MyCC, Salbiah Mohd Salleh, Timbalan Pengarah, Bahagian Perkhidmatan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Ujjwal Kumar, *Policy Analyst CUTS International India*, Jorge Nieto Rueda, *Advisory Public Aid and Draft Regulation Unit Advocacy Department, Spain's National Authority for Markets and Competition (CNMC)*, Harald Mische, *Administrator, Pharma & Health Services, Directorate General for Competition, European Commission (EC)* dan Pedro Caro de Sousa, *Expert, Competition Division, Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)*.

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Noor Hasnizan Hassan, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: izan@mycc.gov.my

Wan Nurhafizah, Tel +603 2273 2277 (ext 703), Email: nurhafizah@mycc.gov.my

Unit Komunikasi Korporat Suruhanjaya Persaingan Malaysia

### **Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan. Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjelaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penaltipenalti kepada pesalah undang-undang persaingan. Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my)